

Maklumat Bas Rapid KL di dalam aplikasi Google Maps

Soalan-soalan Lazim

1. Apakah *Google Transit* di dalam *Google Maps*?

Google Transit merupakan satu opsyen/pilihan perjalanan di dalam *Google Maps* yang memaparkan perjalanan serta lokasi pengangkutan awam termasuk lokasi semasa bas-bas di bawah Rapid KL. Ciri-ciri *Google Transit* ini mampu memudahkan perancangan perjalanan para penumpang Rapid KL.

2. Apakah kegunaan *Google Maps*?

Aplikasi *Google Maps* membolehkan para penumpang mengetahui lokasi bas yang ingin dinaiki. Penumpang boleh menyemak lokasi bas semasa dengan menggunakan telefon pintar. *Google Maps* memberikan maklumat hentian bas dan juga jangkaan masa perjalanan serta waktu ketibaan bas untuk memudahkan para penumpang merancang perjalanan serta melakukan aktiviti lain ketika menanti ketibaan bas.

3. Di manakah saya boleh mendapatkan aplikasi *Google Maps*?

Para penumpang boleh memuat turun aplikasi *Google Maps* daripada *Google Play* untuk pengguna *Android* atau di *Apple App Store* untuk pengguna *iOS*.

4. Bagaimanakah cara untuk menggunakan *Google Maps*?

Para penumpang hanya perlu memasukkan lokasi permulaan perjalanan dan destinasi yang ingin ditujui. Aplikasi ini akan menunjukkan maklumat lokasi hentian bas terdekat dan juga jangkaan masa perjalanan, serta waktu ketibaan bas.

5. Apa yang saya perlukan jika saya mahu menggunakan *Google Maps*?

Anda perlu memiliki telefon pintar dengan sambungan data internet yang stabil untuk mendapatkan lokasi bas semasa.

6. Adakah semua bas di bawah Rapid Bus boleh disemak melalui *Google Maps*?

Google Maps membenarkan para penumpang menyemak lokasi semasa bas yang beroperasi di 168 laluan bas di Lembah Klang, termasuk laluan bas perantara LRT, GoKL dan beberapa laluan Smart Selangor yang terpilih. Lebih 1,000 bas dapat dijejaki melalui *Google Maps*. Perancangan seterusnya akan melibatkan penambahan bas perantara MRT serta perkhidmatan bas Rapid Penang dan Rapid Kuantan.

7. Adakah saya perlu berada di perhentian bas terlebih dahulu sebelum menggunakan Google Maps?

Para penumpang tidak semestinya perlu berada di perhentian bas terlebih dahulu. Para penumpang boleh merancang awal perjalanan sebelum keluar rumah dengan menggunakan Google Maps.

8. Bolehkah saya menggunakan Google Maps jika saya mahu menggunakan perkhidmatan Rapid Bus dan juga Rapid Rail?

Boleh. Google Maps membolehkan para penumpang merancang perjalanan dengan pilihan perjalanan seperti menggunakan perkhidmatan bas sahaja atau kombinasi perkhidmatan bas dan rel.

9. Jika terdapat penutupan jalan atau perubahan jadual perjalanan bas, adakah Google Maps akan maklumkan kepada penumpang?

Ya. Sebarang perubahan jadual atau penutupan jalan yang memberikan kesan terhadap perkhidmatan akan dimaklumkan melalui notifikasi daripada aplikasi *Google Maps*.

10. Jika terdapat sebarang pertanyaan, kepada siapakah saya perlu bertanya?

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Talian Bantuan kami di 03- 7885 2585 atau pun emelkan ke suggest@rapidkl.com.my